

02 JUN 1998

IMF-KADAR FAEDAH/I

FISCHER PERTAHAN GESAAN IMF BAGI KADAR FAEDAH TINGGI

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 2 Jun (Bernama) -- Timbalan pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Stanley Fischer, mempertahankan gesaan IMF bagi kadar faedah tinggi dalam ekonomi-ekonomi yang terjejas oleh krisis mata wang dengan menyatakan firma-firma yang mempunyai hutang mata wang asing yang tinggi akan lebih menderita akibat kadar faedah yang rendah.

Beliau berkata kadar rendah kemungkinan akan terus menurunkan nilai mata wang Asia, di mana ia bermakna firma-firma yang mempunyai hutang asing terpaksa membayar lebih banyak.

Dalam satu keadaan yang dilihat sebagai tindak balas terhadap kritikan yang dilemparkan kepada IMF kerana mendesak kadar faedah tinggi yang menekankan kegiatan perniagaan, beliau berkata kadar rendah dan penyusutan nilai mata wang lebih besar mungkin dilihat sebagai satu yang mempunyai perkaitan.

"Tetapi ia mungkin tiada persoalan bahawa tahap penyusutan dalam negara-negara yang dilanda krisis di Asia adalah melampau," katanya dalam pembentangan di Simposium Kelima mengenai "Menggiatkan Semula Ekonomi Jepun dan Masa Depan Asia" yang dianjurkan oleh Institut bagi Hal Ehwal Kewangan Antarabangsa di sini hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu sesi soal jawab berkata kadar faedah tinggi menyebabkan perniagaan tidak berkembang di mana proses itu akan mengakibatkan mereka dan juga kerajaan menjadi muflis.

Fischer berkata terdapat banyak syarikat di Asia yang dibebani dengan hutang asing tinggi dan mereka lebih menderita akibat kejatuhan dalam nilai mata wang mereka daripada kenaikan sementara dalam kadar faedah dalam negeri.

"Tambahan lagi, apabila tindakan kadar faedah ditangguhkan, keyakinan akan terus menurun dan oleh yang demikian kenaikan kadar faedah yang diperlukan untuk menstabilkan keadaan dijangka menjadi lebih besar berbanding jika tindakan tegas diambil pada permulaan," katanya.

Beliau mendakwa keengganan untuk mengetatkan kadar faedah pada permulaan menjadi faktor penting dalam menyebabkan krisis itu terus berkekalan.

Fischer berkata dasar kewangan mestilah diketatkan untuk memulihkan keyakinan dalam ekonomi tetapi dasar fiskal juga boleh diketatkan walaupun tidak melangkui pada permulaan setiap program IMF.

-- BERNAMA

MR ZK OS